

PERMASALAHAN DAN KREATIVITI DALAM PENSEJARAHAN SENIKRAF
KEBUDAYAAN BANGAU PERAHU

HALIDA BINTI HARUN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER 2002

DEDIKASI

Alhamdulillah Bersyukur Kehadrat illahi kerana berkat kurniaNya saya berjaya menyiapkan projek sarjana ini dengan sempurna..

Setinggi- tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek sarjana ini terutamanya kepada suami yang tercinta iaitu En. Farizal Bin Muda dan tidak lupa juga kepada anak yang bakal lahir yang menjadi sumber inspirasi dalam menyiapkan projek sarjana ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu yang terayang yang telah banyak memberi dorongan sehingga saya dapat menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana, begitu juga dengan kaum keluarga merupakan perangsang kepada diri saya dalam mengejar kejayaan dalam pelajaran sehingga ke peringkat ini.

Sekian Terima Kasih dan bersyukur kehadiran illahi sekali lagi kerana mengurniakan hambaNya kesihatan dan kesejahteraan yang baik semasa menimba ilmu selama ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah Bersyukur Kehadrat illahi kerana berkat kurniaNya saya berjaya menyiapkan projek sarjana ini dengan sempurna.

Setinggi- tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek sarjana ini. secara langsung ataupun sebaliknya dalam menjayakan projek penyelidikan ini terutamanya kepada pensyarah- pensyarah dan rakan rakan yang berada di KUiTTHO yang telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar dalam menimba ilmu di sini. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih terutama kepada penyelia tesis atau projek sarjana iaitu Tuan Haji Jamaludin Bin Hashim di atas dorongan dan bimbingan beliau sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini.

Sekian Terima Kasih dan bersyukur kehadiran illahi sekali lagi kerana mengurniakan hambaNya kesihatan dan kesejahteraan yang baik semasa menimba ilmu selama ini.

ABSTRAK

Setiap kebudayaan mempunyai nilai kesenian dan penggunaan yang tersendiri dalam pengolahan menghasilkan nilai estetikanya. Dalam kajian kebudayaan ini, pengkajian terhadap permasalahan dan kreativiti pensejarahan senikraf kebudayaan bangau perahu itu tersendiri akan menghasilkan satu peningkatan teknologi tanpa disedari oleh masyarakat sekeliling. Rekabentuk senikraf bangau perahu itu sendiri mempunyai perkaitan yang jelas dengan rekaan sesuatu produk dalam mencapai tahap kepenggunaan yang selesa. Bangau perahu merupakan satu ciptaan yang terdapat pada haluan perahu nelayan di pantai timur yang berbentuk menyerupai kepala burung bangau. Terdapat enam jenis kepala bangau perahu yang terdapat di negeri Terengganu iaitu bangau perahu Sekochi, Kolek, Kolek Kue, Buatan Barat, Bedar dan Payang. Proses penyelidikan secara kualitatif yang dijalankan oleh penyelidik ialah melalui proses pengamatan, temuramah dan tinjauan serta dapatan maklumat daripada sumber media dan cetakan. Penyelidikan ini ialah bertujuan memperkenalkan kebudayaan senikraf kebudayaan ini melalui penghasilan model arca bangau perahu ini seharusnya dipelihara sehingga ke akhir zaman kerana nilai seni yang terdapat pada kebudayaan senikraf melayu mempunyai peradaban yang tinggi sepanjang masa.

ABSTRACT

Every culture has its own aesthetic value and can be used depending on one's own creation. Through this research study, the culture of the artcraft 'Bangau Perahu' has produced high standard technology without the knowledge of the people around. The design of the artcraft 'Bangau Perahu' clearly shows that it can produce the product which can easily be used. This creation usually can be found at the head or in front of the fishermen boat. It looks like the bird's head or the bird that we called 'cattle egrets'. There are six types of 'Bangau Perahu' which can be found in Terengganu. There are 'Bangau Perahu' Kolek, Kolek Kue, Buatan Barat, Bedar and Payang. The process of this research is done by qualitative method by examining thoroughly the sculpture by interviewing the people concerned and information through media sources and printed matter. The aim of this research is to introduce our rich culture by making a model of small sculpture 'Bangau Perahu'. This artcraft is one branch of our Malay rich culture which has its own aesthetic values, thus we should preserve and retain it throughout the decade.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PEMBIMBING	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB I PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	4
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7

1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Kerangka Teori	9
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Batasan kajian	12
1.10	Hipotesis	12
1.11	Definisi Istilah	13
	1.11.1 Bangau Perahu	13
	1.11.2 Rekabentuk	13
	1.11.3 Kreativiti	14
	1.11.4 Lanskap	14
	1.11.5 Arca	15
	1.11.6 Warna	15

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Definisi Umum Bangau Perahu	16
2.2	Peranan Okok Dan Caping Pada Perahu	19
2.3	Ragamhias Bangau Perahu	20
2.4	Simbol Dan Kepercayaan Bangau Perahu	21
2.5	Penggunaan Warna Pada Bangau Perahu	22
2.6	Kajian Terhadap Kreativiti Dan Bentuk	25
2.7	Kajian Arca Lanskap	26

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Lokasi Kajian	29
3.4	Sampel Kajian	29

3.5	Kaedah Pengumpulan Data	30
3.5.1	Penghasilan Idea Senikraf Budaya Bangau Perahu	31
3.5.2	Kajian Awal Melalui Tinjauan Permasalahan, Pensejarahan Dan Kreativiti Bangau Perahu	32
3.5.3	Rekabentuk Kajian Menerusi Penyelidikan Kaedah Tinjauan, Temuramah Dan Bahan Bacaan	32
3.5.4	Instrumen Kajian Menggunakan Kaedah Temuramah, Tinjauan, Bahan Bacaan Dan Pengamatan	32
3.5.5	Analisis Dan Hasil Dengan Membuat Lakaran Dan Penghasilan Model Arca Bangau Perahu	33
3.5.6	Cadangan Dan Kesimpulan	33
3.6	Kaedah Analisis Data	34
3.7	Andaian Kajian	36

BAB IV REKABENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	37
4.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	39
4.2.1	Bangau Perahu	39
4.2.2	Rekabentuk Dan Ciri- Ciri Produk	40
4.2.3	Lanskap	43
4.2.4	Arca	45
4.2.5	Warna	46
4.3	Rekabentuk Produk	46
4.4	Proses Pembuatan Arca Binaan	47

4.5	Kronologi Kajian	48
4.5.1	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	49
4.5.2	Kos Dan Jangkamasa Membina Produk	50
4.5.3	Pengujian Produk	50
4.6	Cadangan Pembaikan	50

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	52
5.2	Lokasi Kajian	53
5.3	Senarai Responden Temuramah	54
5.4	Format Soal Selidik Temuramah	56
5.4.1	Dapatan Analisis Temuramah	59
5.5	Dapatan Analisis Data	60
5.6	Rumusan	63

BAB VI KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	64
6.2	Perbincangan Dapatan Kajian	66
6.3	Rumusan Kajian	66
6.4	Cadangan	67
6.5	Penutup	68

RUJUKAN	69
---------	----

LAMPIRAN	72
----------	----

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	34
3.2	Pengumpulan Data	35
4.1	Jadual Kronologi Kajian	49
5.1	Senarai Respon Temuramah	55
5.2	Item Temuramah Dan Dapatan Maklumat	57
5.3	Dapatan Analisis Data Peratusan	62



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kajian	10
3.1	Kaedah Pengumpulan Data	31
4.1	Struktur Proses Rekabentuk	41
5.1	Carta Peratusan Pendapat Responden	61



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Contoh Soalan Temuramah Kajian	72
B	Contoh Soalan Temuramah Pengujian Produk	74
C	Lukisan Lakaran Bangau Perahu (Kajian)	77
D	Gambar Foto Bangau Perahu	78
E	Gambarajah Model Arca (Produk)	101
F	Lukisan Lakaran Pengolahan Idea Model Arca (Produk)	102
G	Lukisan Lakaran Rekabentuk Model Arca (Produk)	104
H	Lukisan Lakaran Rekabentuk Bersudut Model Arca	106
I	Lukisan Lakaran Rekabentuk Model Arca Berskala Dan Bermotif (Produk)	110
J	Lampiran Jawapan Temuramah	117
K	Gambar Foto Proses Pembuatan Model Arca	122
L	Helaian Log Projek Sarjana 2	131

BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Setiap kebudayaan mempunyai nilai kesenian dan penggunaan yang tersendiri dalam pengolahan menghasilkan nilai estetikanya. Penghayatan nilai estetika itu bergantung kepada bagaimana cara penghayatan seseorang individu atau kelompok masyarakat tersebut. Dalam kajian kebudayaan ini, pengkajian terhadap rekabentuk bangau perahu dan pengolahan ragamhias bangau perahu itu tersendiri akan menghasilkan satu peningkatan teknologi tanpa disedari oleh masyarakat sekeliling. Rekabentuk senikraf bangau perahu itu sendiri mempunyai perkaitan yang jelas dengan rekaan sesuatu produk dalam mencapai tahap kepenggunaan yang selesa dan menarik. (Zulkifli Hanafi, 1987). Ini amat jelas bahawa rekabentuk amat penting dalam mempengaruhi sesuatu dalam kehidupan manusia. Penghasilan seni kraf ini adalah berdasarkan pendekatan pensejarahan seni yang ideal yang membangun menjadi lambang kepada corak kehidupan dan kebudayaan sekelompok manusia yang menghubungkan antara realiti dan batin tersembunyi.

Petikan daripada Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa "*Seni melambangkan aspek batiniah manusia yang subjektif, segala bentuk perkembangan memerlukan usaha yang boleh memaparkan aspek batiniah itu dengan memberikan bentuk yang konkrit lagi umum kepada emosi, perasaan dan kesedaran makna*" (Dewan Budaya, 1990)

Tesis ini merujuk kepada pengkajian terhadap permasalahan dan kreativiti dalam pensejarahan rekabentuk bangau perahu negeri Terengganu. Khazanah budaya dan kesenian masyarakat Melayu terkenal dengan nilai seni estetika yang tinggi serta halus pembuatannya dikalangan masyarakat luar mahupun dalam . Diantaranya ialah ukiran bangau perahu yang menjadi faktor utama. Penekanan diberi kepada aspek – aspek keunikan seni ukiran dan lukisan senikraf kebudayaan yang mempengaruhi imej bangau perahu dan persekitarannya. Bangau perahu merupakan satu ciptaan ukiran kayu yang terdapat pada bahagian haluan hadapan perahu nelayan di pantai timur yang berbentuk menyerupai kepala burung bangau. Terdapat enam jenis bangau perahu yang terdapat di negeri Terengganu iaitu bangau Sekochi, Kolek, Kolek Kue, Buatan Barat, Bedar dan Payang. Senikraf ini dinamakan bangau kerana bentuk asalnya adalah menyerupai kepala seekor burung bangau. Istilah bangau ini bermaksud '*Cattle Egret*' atau '*Babacus Ibis*' yang bermaksud seekor burung putih dan ianya boleh menarik perhatian burung bangau ini yang selalu dapat dilihat pada belakang kerbau. Bangau yang wujud pada perahu bukannya kerana figuranya tetapi disebabkan lengkung dan realis pemilihan pada bahagian kepala .(Paul J. Coatlen, 1982)

Ianya merupakan bahagian yang terpenting di dalam hiasan dan hanya terdapat pada perahu kecil nelayan iaitu seperti perahu Bedar, Sekochi, Kolek, Payang, Lincang, Limbat dan Kolek Kue yang menggunakan dayung dan layar kerana fungsi bangau perahu adalah tempat untuk meletakkan dan mengikat tiang layar apabila perahu berlabuh atau tidak digunakan lagi serta ianya juga tempat untuk meletakkan dayung dan sauh supaya tidak terjatuh ke dalam air. (Dewan Budaya, 1990). Bangau perahu yang terletak pada bahagian haluan kiri perahu diperbuat daripada kayu cengal yang mempunyai ketebalan diantara dua hingga tiga inci. Kedudukannya adalah melintang pada haluan perahu dan papan ini mestilah bercabang serta berfungsi sebagai tempat mengikat tali, meletak dayung, sauh dan tempat para nelayan menarik perahu untuk mendarat atau menolak untuk belayar. Ianya bukan sekadar sebagai hiasan semata-mata. Ianya terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Kepala Bangau, Okok dan Anak Bangau ataupun Caping dimana

masing-masing mempunyai fungsi tersendiri.(Mubin Sheppard,1963). Bangau perahu pada mulanya diberi penekanan seni daripada golongan masyarakat yang mengagungkan seni ukiran secara meluas dan memaparkan nilai estetik yang tinggi melalui ukiran yang halus serta penggunaan warna dan rahamhias yang menarik yang mempunyai makna tersurat dan tersirat dalam pensejarahan senikraf ini. Bangau perahu juga merupakan pemakaian perahu kecil tradisional yang berfungsi sebagai perhiasan perahu agar kelihatan cantik dan indah.(Syed Ahmad Jamal, 1997)

Selain daripada dekorasi perahu ini juga mempunyai pensejarahan tersendiri disebalik ciptaanya iaitu bertujuan untuk magis atau kepercayaan masyarakat nelayan . Dipercayai ianya lebih memaparkan sebagai kelangsungan kehidupan harian dengan menangkap ikan dan lambang kejayaan mencari rezeki dalam kehidupan masyarakat Melayu. Tiada sumber- sumber tetap untuk memastikan sejak bila penggunaan bangau perahu tetapi seperti yang telah disebutkan pada zaman Dinasti kira-kira 700 hingga 300 s.m telah mendapati hiasan-hiasan burung di kepala perahu.(Siti Zainon, 1985).

Konsep keindahan senikraf bangau perahu bukan sahaja terdapat dalam masyarakat Melayu malah ianya juga wujud dalam masyarakat Cina, India dan juga Arab. Mereka menggunakan pelbagai motif dan tema serta warna yang menarik di dalam ragamhias bangau perahu itu tersendiri. Antara ragamhias yang biasa terdapat pada imej bangau perahu ialah kepala burung bangau, awan larat, dedaun, kerawang, wayang kulit dan sebagainya mengikut daya kreativiti dan kepercayaan sesetengah masyarakat nelayan tersebut.(Haji Abdul Ghawi,1999). Imej bangau yang menghiasi perahu nelayan di pantai timur mempunyai keunikan yang tersendiri kerana ianya merupakan sebahagian daripada kehidupan dan pensejarahan manusia masa lampau.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kepesatan pembangunan pada masa kini membawa kita kepada satu era baru dalam kehidupan dari segi perubahan corak kehidupan, perhubungan dan peradaban terutamanya pada kebudayaan. Di dalam aspek ini pensejarahan senikraf bangau perahu semakin luput dikenali oleh masyarakat kini disebabkan oleh faktor sekeliling dan kurangnya penghayatan seseorang itu terhadap budaya sendiri. Ini disebabkan oleh kerakusan manusia moden yang mengejar kebahagiaan material mendorong manusia melupai dan alpa dengan kebudayaan ini. (Abdul Manaf, 1994). Secara umumnya pengertian seni itu merangkumi segala pergerakan aktiviti manusia, alam dan objek –objek persekitaran. Namun demikian persoalan seni dan budaya amat rumit untuk difahami, dikaji, ditafsir dan dihayati oleh seseorang individu mahupun masyarakat. Ahli falsafah dan pengkaji seni dan budaya juga telah cuba memberi makna, konsep serta fungsi seni kepada manusia di dalam pelbagai bentuk dan cara dalam pemeliharaan pensejarahan senikraf bangau perahu ini. Dalam konteks seni dan budaya ini juga melibatkan jiwa, perasaan dan pegangan merupakan institusi utama untuk menilai kehalusan dan estetika sesebuah penghayatan seni dan budaya tersebut dengan tersendiri. Kejadian alam semester menjadi contoh yang besar dan yang penuh dengan nilai estetikanya menerusi seniman dan penghayat budaya seharusnya berjaya beroperasi dan berinteraksi dengan objek dan alam sekelilingnya. 'Sesungguhnya Allah itu indah dan sukakan pada keindahan'. (Dewan Budaya, 1980)

1.3 Penyataan Masalah

Kajian yang dijalankan adalah untuk memperkenalkan kembali kebudayaan senikraf bangau perahu ini kepada masyarakat melalui pendekatan secara visual menerusi penghasilan sebuah model arca dan seterusnya kepada mercu tanda di sekitar bandar Kuala Terengganu untuk tontonan dan penghayatan masyarakat setempat. Maka dengan ini rekabentuk sesebuah arca merupakan salah satu perkara yang perlu diberi perhatian dari aspek susunatur, ergonomik, laluan, pencahayaan, warna, nilai tampak estetika dan sebagainya yang berhubung terus dengan pengguna atau orang ramai kerana sememangnya peranan rekabentuk adalah untuk mencapai kegunaan dan perkhidmatan sesuatu produk yang dicipta. (Banneth, 1997).

Bangau perahu mempunyai daya kreativiti yang menarik dan pensejarahan yang tersendiri dalam konteks seni dan budaya. Seni itu secara sederhana dan biasanya ditakrifkan sebagai usaha mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan, bentuk-bentuk itu memuaskan penghayat seni dan penghayatan itu memuaskan kita apabila kita mampu menghargai kesatuan-kesatuan hubungan formakistik dengan pelbagai penghayatnya'. (Herberd Read, 1982) Permasalahan dan kreativiti dalam pensejarahan rekabentuk senikraf kebudayaan ini menjadi satu masalah pada masa kini kerana tidak ramai individu mahupun masyarakat mengenali bangau perahu ini. Ianya menjadi intisari manusia dan lambang suatu kumpulan manusia dalam mendalami kebudayaan dimana perasaan dan fikiran dapat dilahirkan melalui pendedahan kebudayaan ini.

Menurut beberapa kajian yang telah dijalankan, sikap sesetengah masyarakat yang kurang pengetahuan dalam mengenali kebudayaan ini kerana oleh kurangnya maklumat dan pendedahan kepada mereka. Kajian yang dilakukan secara temuramah ini dijalankan secara rawak ini bertujuan hanya untuk mengetahui sejauhmana penghayatan seseorang individu terhadap budaya negeri mereka sendiri. Jelas dapat dinyatakan disini bahawa senikraf budaya bangau ini hanya dikenali pada nama

bukannya pada pensejarahannya. Oleh itu kajian ini dijalankan sekadar untuk pengetahuan pengkaji sahaja kerana matlamat atau tujuan sebenar kajian ini adalah bagaimana cara untuk memperkenalkan senikraf bangau perahu ini dari segi rekabentuknya pada mata umum dan menjadikan senikraf bangau perahu ini sebagai mercu tanda bagi negeri Terengganu. Menerusi temuramah, pengumpulan maklumat dan penghayatan tersendiri menerusi penyelidikan yang telah dijalankan kealpaan masyarakat sekarang akan mewujudkan satu fenomena dimana senikraf kebudayaan ini akan pupus daripada pengetahuan masyarakat kelak sekiranya langkah mempertahankan dan memperkenalkan budaya bangau perahu ini tidak dilakukan sekarang. Pelbagai cara memperkenalkan budaya bangau ini telah dilakukan melalui penulisan dan media massa namun tahap keberkesanannya kurang memuaskan.

Subjek bangau perahu menjadi permasalahan dalam kajian ini untuk saya mengenengahkan kebudayaan ini kepada masyarakat khususnya kepada masyarakat negeri Terengganu sendiri. Oleh itu pelbagai kajian dan penghayatan telah dijalankan untuk proses memperkenalkan senikraf bangau perahu ini kepada masyarakat menerusi penghasilan rekabentuk lukisan kepada arca atau mercu tanda yang berbentuk bangau perahu di negeri Terengganu. Ianya bertujuan untuk memberi pendekatan secara visual kepada masyarakat apabila melihat pada arca tersebut akan menghasilkan satu buah fikiran yang kreatif dan pensejarahan senikraf tersebut. Penghayatan yang mendalam terhadap sesuatu objek ataupun situasi adalah menerusi pandangan daripada deria mata kerana pandangan seseorang itu akan menjadi ingatan yang kekal dan seterusnya akan menjadi pengalaman dalam diri seseorang individu.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan – persoalan yang terdapat dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- (i) Apakah bahan dan teknik pengolahan yang digunakan oleh pembuat arca senikraf kepala bangau perahu yang telah dibina di sekitar bandar Kuala Terengganu?
- (ii) Apakah permasalahan yang timbul selepas pembinaan arca senikraf kepala bangau perahu yang sedia ada dibina?
- (iii) Apakah reaksi masyarakat terhadap arca senikraf kepala bangau perahu yang akan dibina kelak?

1.5 Objektif Kajian

Dalam mencapai matlamat kajian yang dicadangkan, objektifnya adalah untuk perkara- perkara berikut;

- (i) Mengenalpasti bahan dan teknik pengolahan pensejarahan dan kreativiti rekabentuk senikraf kepala bangau perahu Terengganu
- (ii) Mengenalpasti permasalahan yang timbul senikraf kepala bangau perahu selepas penghasilan atau pembinaan model arca kepala bangau perahu yang menarik.

- (iii) Meninjau pendapat dan reaksi penghasilan model arca senikraf kepala bangau perahu 'Kolek' yang menarik dan kukuh untuk dijadikan arca konkrit sebenar yang dibina di bandar Kuala Terengganu kelak.

1.6 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian yang dapat dikenalpasti adalah seperti berikut;

- (i) Kajian ini harap dapat memberi manfaat yang berguna kepada para pencinta seni dan kebudayaan terutamanya kebudayaan Senikraf Kepala Bangau Perahu.
- (ii) Kajian ini juga diharapkan dapat memberi pengetahuan am dan pendedahan kepada masyarakat akan kewujudan budaya Bangau Perahu ini menerusi pendekatan dan penghayatan deria mata atau visual.
- (iii) Kajian ini juga diharapkan dapat memperkembangan bidang kesenian dan kebudayaan kepada bidang teknologi pembinaan dalam meningkatkan daya kreativiti dan pengusaha arca dalam proses pembinaan arca konkrit akan terhasil.

1.7 Kerangka Teori

Kajian ini dihasilkan adalah berdasarkan sesuatu proses yang dicadangkan dalam penyelidikan. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) terdapat 14 rekabentuk kajian yang boleh digunakan dalam penyelidikan. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah temuramah, tinjauan dan rujukan bahan bacaan. Semasa proses pengamatan dan tinjauan penyelidik menggunakan kaedah mengambil gambar foto dan lakaran secara spontan akan kewujudan senikraf budaya bangau perahu ini. Lakaran dibuat secara berperingkat dan berstruktur agar memperolehi pengolahan tulisan lakaran yang menarik untuk dijadikan arca. Arca dihasilkan untuk penghasilan model atau prototaip arca taman sebagai hiasan taman rekreasi. Analisis dan hasil daripada pengumpulan maklumat akan dijadikan sebagai rujukan kepada penyelidik untuk menghasilkan lakaran dan penghasilan model arca. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah berbentuk temuramah, tinjauan, bahan bacaan, pengamatan dan sebagainya.

Instrumen penyelidikan penting dalam mencapai objektif sesebuah kajian. Di dalam penyelidikan kajian ini kaedah kualitatif digunakan bagi memperolehi maklumat dan data. Kaedah ini menerangkan sesuatu peristiwa secara holistik dalam keadaan sebenar peristiwa berlaku tanpa sebarang manipulasi oleh penyelidik. Instrumen kajian secara kualitatif ini kadang kala dipanggil kaedah naturalistik, non-tradisional, artistik, holistik, deskriptif dan etnografik yang memberi penekanan kepada perbezaan antara manusia secara individu. seperti temuramah, rujukan bahan bacaan dan media massa, pengambilan foto-foto bahan kajian dan perbincangan digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat dan berbagai informasi. Proses ini telah diadaptasikan oleh penyelidik mengikut kesesuaian kajian. Proses ini memerlukan satu hasil bagi mengatasi satu masalah dan pelaksanaan terhadap hasil tersebut hendaklah mempunyai pengujian terhadap hasil rancangan tersebut seperti rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Kerangka Kajian

Dalam kajian ini, hasil temuramah berstruktur daripada lima orang responden digunakan dalam memperolehi sumber maklumat mengenai penyelidikan ini yang tepat dan kebolehpercayaan maklumat yang tinggi. Ianya terdiri daripada kumpulan nelayan dan kakitangan muzium yang bermastautin di negeri Terengganu.

Pengujian untuk produk pula penyelidik menggunakan seramai lima puluh orang responden masyarakat yang menggunakan taman rekreasi di Kuala Terengganu yang terdiri dari pelbagai peringkat umur disekitar 18 hingga 60 tahun. Ianya merupakan temuramah berstruktur yang hanya memerlukan satu soalan bagi memerlukan tiga jawapan iaitu jawapan yang hanya diperlukan untuk mendapatkan tahap atau pengujian kesesuaian produk yang hendak dihasilkan oleh penyelidik.

1.8 Skop Kajian

Kajian hanya ditumpukan kepada:

- (i) Permasalahan dan kreativiti dalam pensejarahan rekabentuk dan lukisan 6 jenis senikraf kepala bangau perahu yang terdapat di negeri Terengganu.
- (ii) Penyelidikan dan penyediaan lukisan dan model arca senikraf kepala bangau perahu 'Kolek' untuk pembinaan arca sebenar di sekitar bandar Kuala Terengganu.
- (iii) Proses lakaran dan pembinaan model arca senikraf kepala bangau perahu akan dihasilkan untuk menguji kesesuaian dan ketahanan arca tersebut dengan persekitaran lokasi yang dipilih.

1.9 Batasan Kajian

- (i) Dilaksanakan bertujuan untuk mengekalkan senikraf kebudayaan bangau perahu ini daripada pupus.
- (ii) Kajian ini hanyalah dijalankan untuk melihat pandangan masyarakat sekitar Kuala Terengganu mengenai kesesuaian pembinaan model arca bangau perahu di taman rekreasi sekitar Kuala Terengganu.

1.10 Hipotesis

Hasil akhir bagi kajian ini adalah dijangkakan seperti berikut ;

- (i) Terhasilnya sebuah model arca senikraf kepala bangau perahu 'Kolek' yang dipilih daripada lakaran lukisan menerusi kreativiti dan pengolahan yang menarik untuk dijadikan mercu tanda bagi negeri Terengganu.
- (ii) Kepala bangau jenis 'Kolek' akan dijadikan model arca dan simbol bagi mewakili kebudayaan bangau perahu di negeri Terengganu.
- (iii) Mengetahui tahap daya tarikan dan kesesuaian lokasi serta ketahanan arca daripada model yang dihasilkan untuk pembinaan arca yang sebenarnya selepas pembinaannya kelak.

RUJUKAN

Abdul Halim Nasir (1986). "Ukiran Karya Melayu Tradisi". Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.

Abdullah Mohammad (1980). "Falasafah Dan Pemikiran Orang-Orang Melayu". Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.

Azmi Khairuddin, Penolong Kurator Bahagian Pameran dan pendidikan , Lembaga Muzium Negeri Terengganu, (1998).

Cayton, Bone, Wigg, Stinson & Ocvirk (1998) "Art Fundamentals Theory and Practice : Eight Edition". School of art , Bowling Green State University

Corwin Benneth (1977). "Space for People : Human Factor In Design " : New Jersey : Prentice Hall Inc Englewood Cliff.

Datuk Haji Salleh/ Mohd Yusof Abdullah(1985). "Pesaka III". :Terengganu : Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

Dewan budaya, "masa Depan Seni ukir Melayu", November 1980.

Dewan Budaya "Perahu dalam masyarakat melayu", Oktober 1998.

Dewan Budaya, DBP, m.s 63, Oktober 1990.

Hassan Mohd Ghazali (2000) "Teks lengkap pendidikan seni". Kuala Lumpur : Fajar bakti Sdn Bhd.

Harold Linton (1999). "Colour In Architecture: Designm Method For Buildings, Interior and Urban Space". Hong Kong : McGraw –Hill Companies.

Haji Abdul Ghawi Ali (2002), ketua Nelayan Kuala Terengganu/Ketua Kampung Mengabang Telipot/ Bekas nelayan dan pengukir wayang kulit dan bangau perahu.

Ismail Bin Ibrahim (2002), Nelayan pantai Batu Buruk, Terengganu.

Jusoh Bin mamat (2002), Nelayan Pantai Batu Buruk. Terengganu.

Kathleen Chee(1999), "Pendidikan seni". Kuala Lumpur :Pelangi Sdn Bhd.

Kamus Dewan (1989), Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.

Malcolm (1972). " Design Elemen and Principles" Worcester Massachusetts : David pubcations Ins.

Mubin sheppard (1986). "A Royal Pleasure Ground, Malay Decorative Arts and Pastimes". Oxford : Oxford University Press.

Mubin sheppard, Decorative Guards For soil And Spars On Malay Fishing Boats (Bangau), 1963, Federation Muzium Kula Lumpur.

Mohd Yusof Abdullah (1989), "Perahu Besar Terengganu," Jurnal State Museum.

Muda Bin Mamat (2002), Pengukir dan tukang rumah, Pasir Panjang Terengganu

Paul J. Coatlen (1982). "The Decorated Boats Of Kelantan, Terengganu and Pahang".

Siti Zainon Ismail (1985). "Getaran Jiwa Jaluran Dan warna". Petaling Jaya: Fajar bakti Sdn Bhd.

Sulong Bin Yahya (2002), Nelayan dan Pengukir Kayu (bangau), Chendering Terengganu.

Syed Ahmad Jamal (1979), "Rupa dan Jiwa" Kuala Lumpur : Universiti Malaya.



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH